



**PERCUMA** 22 Februari - 1 Mac 2013, 11 - 18 Rabiulakhir 1434

**Bandar Baru Salak Tinggi lokasi baru WiFi percuma Selangorku**

**muka 5**

**BN bina satu bilik darjah bernilai RM1 juta**

**muka 10**

**1Malaysia tidak bermakna bila Najib tak berani tegur Perkasa**

**muka 4**



Gambar oleh Shuaib Ayob

## MERIAH...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama hampir 10,000 rakyat dalam Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor yang diadakan di Dataran Tempat Letak Kereta One Utama, Bandar Utama, Petaling Jaya.

LAGI GAMBAR SAMBUTAN TAHUN BARU CINA MUKA 7

# RM9.65 bilion untuk rakyat ambil alih air

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Hampir RM10 bilion yang ditawarkan kepada empat syarikat konsensi merupakan tawaran terbaik bagi pihak rakyat Selangor untuk mengambil alih hak mengurus air demi kepentingan awam.

Ini kerana tawaran RM9.65 bilion yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor mewakili kepentingan rakyat akan memastikan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dibekalkan dengan cekap dan pada harga yang tidak membebankan.

Sekiranya tawaran tersebut diterima, Kerajaan Negeri akan mengurus seluruh sistem bekalan air terawat yang selama ini dilanda masalah air hilang yang agak tinggi dan gangguan bekalan disebabkan

sistem edaran yang tidak cekap.

Pengurusan air oleh Kerajaan Negeri dan bukan syarikat swasta juga akan memastikan agar harga air ditetapkan pada tahap yang berpatutan.

"Usaha ini untuk kembalikan hak air kepada Selangor," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim semasa mengumumkan tawaran RM9.65 bilion itu yang beliau sudah tandatangani.

"Kerajaan Negeri dipilih rakyat untuk memimpin negeri, jadi kita ada hak untuk urus industri air.

"Kita percaya proses pengambilalihan itu akan berjalan lancar meman-

**Kerajaan Negeri dipilih rakyat untuk memimpin negeri, jadi kita ada hak untuk urus industri air**

**- ABDUL KHALID  
Menteri Besar**

dangkan tawaran ini adalah tawaran terbaik oleh rakyat negeri ini demi mempertahankan hak mereka," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco baru-baru ini.

Tawaran RM9.65 bilion itu kepada empat syarikat yang mengurus industri air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi mengambilalih operasi me-

## Syarikat konsensi tidak rugi

**SHAH ALAM** - Tawaran RM9.65 bilion kepada empat syarikat konsensi untuk ambil alih operasi air daripada mereka akan memberi pulangan yang lebih daripada apa yang mereka perolehi sekarang, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Tawaran itu memberi pulangan 12 peratus setahun terhadap ekuiti kepada syarikat-syarikat tersebut berbanding dengan pulangan pada masa kini yang hanya enam peratus setahun.

Tawaran itu akan dilakukan melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Puncak Niaga Sdn Bhd, Konsortium Abbas Sdn Bhd (Abbas) dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holding (Splash).



lihat muka 2

## MB: Peter Chin keliru dengan pengambilalihan air

SHAH ALAM - Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Kah Fui disangkal Kerajaan Negeri kerana gagal memahami peranan beliau dalam proses pengambilalihan industri air Selangor sehingga mengeluarkan kenyataan yang bercanggah.

Pada mulanya, Peter didakwa mengatakan bahawa Kerajaan Pusat tiada halangan untuk Kerajaan Negeri memulakan proses pengambilalihan industri air di negeri ini.

"Walau bagaimanapun, kelmarin apabila ditanya oleh pihak media, beliau dengan tegas mengatakan pengambilalihan yang mahu dilakukan Kerajaan Negeri tidak boleh dijalankan kecuali dengan kebenaran Kerajaan

jaan Pusat," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Menteri gagal memahami peranan yang sepatutnya dilakukan oleh beliau selaku menteri yang diamanahkan menjaga industri air.

"Jawapan menteri itu tidak banyak membantu menyelesaikan masalah pengambilalihan ini kerana nampaknya menteri terlalu keliru dengan situasi yang kita hadapi ini," kata Abdul Khalid.

Beliau mengulas tentang jawapan Kerajaan Pusat terhadap tawaran Kerajaan Negeri untuk memulakan proses pengambilalihan industri air Selangor.

Tawaran tersebut diumumkan Kerajaan Negeri lebih dua minggu lepas.

dari muka depan

## Pengambilan secara dua peringkat

Mengikut perjanjian perniagaan air 2004, rawatan bekalan air mentah dikendalikan Puncak Niaga, Abbas dan Splash.

**Kita bayar equiti kepada setiap syarikat itu. Semua aset liabiliti diambil alih melalui KDEB, manakala hal berkenaan pemilikan akan diuruskan Kerajaan Negeri**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

Manakala sistem edaran air terawat dilakukan oleh Syabas.

"Cara pengambilalihan akan dibuat melalui dua peringkat. Kita bayar equiti kepada setiap syarikat itu. Semua aset liabiliti diambil alih melalui KDEB, manakala hal berkenaan pemilikan akan diuruskan Kerajaan Negeri.

"KDEB hanya pemegang equiti manakala Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) yang akan pegang secara keseluruhan," katanya.

Abdul Khalid menambah, Kerajaan Negeri memberi tempoh selama 14 hari untuk syarikat-syarikat berkenaan menjawab tawaran itu.

## Jaga kebajikan rakyat bukan Syabas



Teng sewaktu memberi penjelasan tentang isu sebenar air di Selangor kepada penduduk Pandamaran

Oleh HAFIZAN TAIB

KLANG - Speaker Dewan Negeri Selangor, Datuk Teng Chang Khim menjelaskan, Kerajaan Negeri lebih berminat menjaga kebajikan rakyat di Selangor berbanding memberi keuntungan kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Katanya, tambahan RM2 bilion diminta Syabas lebih baik digunakan untuk kepentingan rakyat Selangor bagi tempoh 10 tahun.

"Setiap tahun dalam tempoh lima tahun perbelanjaan Selangor bagi program kebajikan, termasuk pemberian air percuma serta yang lain jumlahnya lebih kurang RM700 juta.

"Ini tidak termasuk geran Se-

langorku di mana keuntungan diraih daripada anak syarikat Kerajaan Negeri sebanyak RM300 juta untuk program tambahan lain. Jumlahnya baru RM1 bilion," jelasnya.

Katanya, alasan menanggung kerugian merupakan sebab utama Syabas menolak tawaran RM9 bilion oleh Kerajaan Negeri bagi pengambilalihan pengurusan air adalah tidak munasabah.

Sebelum ini Kerajaan Negeri gagal mencapai kata sepakat bagi tujuan itu berikutan Syabas meletakkan tanda harga RM11 bilion yang dianggap tidak realistik oleh Kerajaan Negeri.

Teng berkata, ternyata kenyataan Syabas itu boleh dipertikai ekoran tindakan syarikat itu berbelanja mewah dalam pengurusan, termasuk melibatkan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Rozali Ismail.

"Rozali kata dia fikirkan tentang hutang Syabas kepada bank yang belum jelas, tapi kita tahu kerana kita tengok akaun Syabas dan syarikat konsesi lain dalam tahun-tahun sebelumnya mendapat keuntungan tinggi.

"Dia (Rozali) boleh bagi dividen dan bonus (kepada kakitangan) dan membuat ubah suai pejabatnya melibatkan belanja beratus dan beribu juta, namun kenapa dia tidak menjelaskan hutangnya kepada bank.

"Kenapa dia tak bayar kepada

**Kenapa dia tak bayar kepada bank dengan keuntungan dan geran diperoleh. Kita pula kena tanggung dengan bagi keuntungan 12 peratus. Kita rasa itu tidak adil kepada rakyat Selangor**

**- DATUK TENG CHANG KHIM**  
Speaker Dewan Negeri Selangor

bank dengan keuntungan dan geran diperoleh. Kita pula kena tanggung dengan bagi keuntungan 12 peratus. Kita rasa itu tidak adil kepada rakyat Selangor," katanya dalam majlis forum Air Untuk Rakyat di Dewan Kompleks Sukan Pandamaran di sini.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menawarkan pengambilalihan pengurusan industri air di Selangor kepada Syabas dengan kadar keuntungan tahunan 12 peratus.

Majlis tersebut dirasmikan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali serta dihadiri Exco Kerajaan Negeri, Ronnie Liu.



Dalam forum tersebut, orang ramai turut diberi peluang bertanyakan sebarang kemusykilan

# Projek Datum Jelatek, Melayu untung berlipat ganda

**KUALA SELANGOR** - Kerajaan Negeri menyangkal dakwaan bahawa komuniti Melayu di kawasan Jelatek, Kuala Lumpur terpinggir akibat projek pembangunan bercampur Datum Jelatek.

Sebaliknya penduduk Melayu yang menjual kediaman mereka untuk projek itu menerima keuntungan berlipat kali ganda apabila Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membayar RM300,000 kepada mereka.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim juga berkata, pemilikan pangsapuri mewah Datum Jelatek akan terbuka kepada semua, termasuk pembeli Melayu.

Abdul Khalid menjelaskan bahawa premium tinggi RM300,000 tersebut bermakna pemilik pangsapuri kos rendah yang rumah mereka dibeli untuk projek tersebut menerima keuntungan kira-kira RM 280,000 setiap seorang.

Ini kerana harga asal pangsapuri kos rendah mereka hanya sekitar RM20,000.

Keuntungan tersebut membolehkan penduduk terlibat membeli kediaman lain yang jauh lebih selesa berbanding pangsapuri asal mereka yang mempunyai dua bilik.

Menurut Abdul Khalid, pembelian unit-unit projek bernilai RM700 juta itu akan terbuka kepada semua pihak, khususnya pelabur Melayu dan bumiputera di negara ini.

"Melayu juga ramai yang kaya dan mampu (contohnya), di Shah Alam lebih 50 peratus yang mendiami rumah-rumah kos tinggi adalah Melayu," kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Sambutan Jubli Intan Masjid Ar-Rahman (Lama) di Kampung Bukit Badong, Bestari Jaya di sini.

Sebelum ini, dilaporkan bahawa beberapa individu Melayu yang mendiami kawasan projek Datum Jelatek mendakwa mereka dipinggirkan dan tidak mendapat bayaran premium yang setimpal daripada PKNS.



MESRA... Menteri Besar bergambar kenangan bersama penduduk Bukit Badong

# Ketelusan tarikan utama pelaburan RM48 bilion

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**SHAH ALAM** - Dasar Ketelusan dan Kebertanggungjawaban yang diamalkan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor adalah pemangkin kepada tarikan dan pertumbuhan pelaburan negeri itu.

Pencapaian RM48 bilion dalam lima tahun lepas menunjukkan dasar-dasar tersebut yang menjadi tunjang prinsip pentadbiran PR, berjaya menarik pelaburan sehingga Selangor menerajui semua negeri dalam jumlah pelaburan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, dasar ketelusan menunjukkan Kerajaan Negeri terbuka dan menggalakkan pertumbuhan perniagaan yang sihat.

Beliau berkata, sejak 2008 Selangor konsisten menduduki tempat pertama atau kedua negeri yang mendapat pelaburan tertinggi.

Negeri kedua yang mencapai jumlah pelaburan tertinggi di negara ini adalah Sarawak yang memperolehi jumlah pelaburan sebanyak RM 40.72 bilion.



Pelabur dalam dan luar negara mengaul yee sang tanda sepakat

"Itulah sebabnya kita umumkan bahawa Negeri Selangor sebagai negeri pertama yang mencapai jumlah pelaburan yang tertinggi sejak 2008," ujar Abdul Khalid.

"Kerajaan Selangor ucapkan terima kasih kepada semua para pelabur dengan sokongan dan kejayaan anda

semua," kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Penghargaan Pelabur 2012 anjuran Selangor State Investment Center (SSIC) yang diadakan di I-Walk I-City di sini.

Hadir sama, Exco Selangor, Teresa Kok dan Dr Xavier Jayakumar serta Speaker Dewan Negeri Selangor, Datuk Teng Chang Khim.

Untuk Kategori Pelabur Dalam Negara Dengan Pelaburan Tertinggi, Anugerah diberikan kepada syarikat Asia Pacific Truck And Bus Sdn Bhd dan SKS Building Coach Sdn Bhd.

Manakala Kategori Pelaburan Tertinggi Luar Negera, Anugerah diberikan kepada syarikat Baker Mansion dan DSG (M) Sdn Bhd.

# Hutang KDNK 53%, Ekonomi negara dalam bahaya

**BANDAR TUN RAZAK** - Langkah Kerajaan Pusat menetapkan kadar nisbah hutang negara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada angka 53 peratus merupakan satu tindakan yang berani, tetapi membahayakan ekonomi negara, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Menurutnya, kadar nisbah tersebut tidak boleh melebihi 53 peratus itu, ditetapkan oleh Menteri Kabinet BN sendiri, sekaligus menunjukkan kerajaan sendiri menyedari kadar peningkatan hutang negara yang semakin membimbangkan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak berkata demikian ketika sidang media Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Wilayah Persekutuan di sini.

Jelasnya, penetapan kadar nisbah sama juga dibuat ketika mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia.

**Saya rasa angka itu ditetapkan oleh Kabinet BN yang mengatakan tidak boleh lebih 53%, menunjukkan BN sendiri rasa lebih pada itu adalah dalam keadaan yang bahaya**

- ABDUL KHALID Menteri Besar

"Saya rasa angka itu ditetapkan oleh Kabinet BN yang mengatakan tidak boleh lebih 53 peratus, menunjukkan BN sendiri rasa lebih pada itu adalah dalam keadaan yang bahaya.

"Ini menunjukkan kadar 53 peratus itu BN berani dalam keadaan yang bahaya dan saya rasa masa Tun Dr Mahathir pun menetapkan angka tersebut.

"(Sekarang) untuk beliau (Mahathir) mengatakan ini adalah angka yang tidak betul, saya ingat dia sudah lupa dengan keputusan yang dia sudah buat," kata Abdul Khalid.

Dr Mahathir dalam satu kenyataannya kepada media sebelum ini mengatakan nisbah hutang negara kepada KDNK pada tahap 53 peratus yang dialami negara pada masa ini masih menunjukkan ekonomi yang sihat.

Terdahulu, dalam Majlis Sambutan Tahun Baru Cina yang diadakan di sini, seramai hampir 5,000 hadirin membanjiri padang bola sepak Taman Bukit Anggerik Cheras.

## Majlis Penghargaan Pelabur 2012

### PBT paling digemari pelabur

- Majlis Daerah Hulu Selangor
- Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Majlis Perbandaran Shah Alam

### Daerah paling digemari pelabur

- Pejabat Tanah dan Galian Daerah Hulu Selangor
- Pejabat Tanah dan Galian Daerah Petaling Jaya
- Pejabat Tanah dan Galian Daerah Klang

# 1Malaysia tidak bermakna bila Najib tidak berani tegur Perkasa

PETALING JAYA - Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak bermakna apabila beliau tidak serius menegur kumpulan ketuanan Melayu yang membakar semangat perkauman.

Najib tidak langsung berani berdepan dengan Pertubuhan Peribumi Perkasa (Perkasa) yang baru-baru ini mahu membakar kitab Injil Bahasa Melayu.

Menurut Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Najib tidak berani menegur Perkasa yang merupakan pertubuhan pro-Umno.

"Ini abang Anwar yang berani tegur, apa akan jadi sekira

nya perkara sama terjadi di Sarawak dan di mana-mana, ia boleh merebak dengan cepat, boleh menjadi 'trend,'" ujar Anwar.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Negeri Selangor yang berlangsung di pekarangan tempat letak kereta Kompleks Beli-Belah One Utama.

Najib yang juga merupakan Presiden Umno itu turut dilihat sengaja menanamkan kebencian orang Melayu terhadap bangsa lain yang dianggap sebagai pendatang di negara ini.

"DiPerhimpunan Umno, Najib, Tan Sri Muhyiddin, paling kuat sekali Datuk Shahrizat menangis teresak-esak bila menyanyikan



Anwar meluangkan masa beramah mesra dan bertanya khabar pengunjung Uptown Danau Kota

lagi 'Anak Kecil Main Api'.

Menurut Anwar, lagu yang dinyanyikan di Perhimpunan Agung Umno itu adalah sebuah lagu perkauman.

Umno-BN cuba mengekalkan kuasa di Putrajaya dengan menggunakan agenda kononnya mempertahankan hak Melayu, padahal ia digunakan memperkayakan keluarga dan kroni masing-masing.

## Rafizi semak perjanjian Boustead

HULU KELANG - Perjanjian jual beli tanah yang melibatkan Boustead Holdings Berhad (Boustead), dan syarikat milik Deepak Jaikishan dan syarikat milik Ketua Wanita Umno Selangor, akan disemak bagi meneliti jika wujud penyelewengan. Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berkata, beliau kini merupakan pemegang saham Boustead yang membolehkannya menyemak perjanjian itu jika terdapat bukti penyalahgunaan dana Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Sebelum ini, Boustead yang merupakan unit pelaburan

LTAT, membeli syarikat kepunyaan Ketua Wanita Umno Selangor, Senator Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah dan syarikat Deepak dengan wang berjumlah RM160 juta.

"Bulan lepas saya dah beli saham Boustead dan sekarang saya adalah pemegang saham rasmi Boustead Holdings.

"Insya-Allah, kita akan pergi beramai-ramai ke Boustead, kita akan semak setiap helai daripada perjanjian.

"Kalau ada sikit penyelewengan pun dan kalau ada sikit kesilapan pun, kita akan bawa ke mahkamah supaya wang RM160 juta ini kita dapat selamatkan daripada dicuri mana-mana pihak," tegasnya dalam satu siri ceramah di Taman Rekreasi AU3, Keramat Wangsa.

Sebelum ini, Rafizi dan beberapa bekas anggota tentera dihalang pengurusan Boustead daripada menyemak perjanjian itu.

Alasan Boustead adalah pencairan LTAT tidak dibenarkan menyemak dokumen jual beli tanah itu.

LTAT menyimpan caruman daripada potongan gaji anggota tentera.

Sebelum ini, dilaporkan bahawa Boustead membeli kedua-dua syarikat itu dengan alasan mahu memiliki tanah berkeluasan 200 ekar di Bukit Raja, Klang.

## Manifesto Rakyat: PR lancar perang terhadap BN

PETALING JAYA - Pakatan Rakyat (PR) akan melancarkan manifesto kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), sekaligus mendahului Umno-BN yang sehingga kini masih gagal mengumumkan tarikh pilihan raya.

Dengan tema 'Pakatan Harapan Rakyat', manifesto ini dinamakan 'Manifesto Rakyat' menunjukkan PR sudah bersedia melancarkan 'perang' terhadap Umno-BN dalam usaha merubah tampuk pemerintahan negara ke arah yang lebih baik.

Manifesto yang diluluskan Majlis Presiden Pakatan Rakyat ini merupakan manifesto bersama ketiga-tiga parti yang mengandungi empat teras utama, iaitu rakyat bersaudara, ekonomi rakyat, kesejahteraan rakyat dan kerajaan rakyat.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli dalam satu sidang media berkata, Manifesto Rakyat ini menggabungkan kesemua dasar yang berlandaskan Dasar Bersa-

ma Pakatan Rakyat, Buku Jingga dan program-program khusus yang diumumkan melalui Belanjawan PR 2012 dan 2013.

"Jawatankuasa Dasar dan Manifesto PR yang dipertanggungjawabkan membangunkan Manifesto Rakyat, juga meneliti dan mengambil pandangan daripada memorandum dan cadangan yang disampaikan terus kepada pimpinan Pakatan Rakyat untuk digarab dalam manifesto.

"Selain itu, pelbagai rundingan diadakan dengan banyak pihak untuk memastikan kepentingan dan kebajikan setiap rakyat dititikberatkan di dalam Manifesto Rakyat.

"Pelancaran awal manifesto ini membuktikan komitmen PR untuk memastikan kempen PRU-13 bertumpu kepada persoalan rakyat dan dasar untuk melawan politik perkauman dan fitnah yang dibawa Umno-BN," katanya dalam sidang me-

dia di Ibu pejabat PKR.

Pelancaran ini akan dibuat pada Isnin, 25 Februari bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).



Rafizi bersama pimpinan PR sewaktu sidang media di Ibu Pejabat PKR

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

GERAN *selangorku*

# Bandar Baru Salak Tinggi lokasi baru WiFi percuma Selangorku

SEPANG - Bandar Baru Salak Tinggi di sini menjadi lokasi baru yang menerima akses Internet jalur lebar (WiFi) secara percuma selepas dilancarkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini.

WiFi Selangorku ini dipasang di Pusat Penjaja Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi dan merupakan antara 112 lokasi WiFi percuma yang dirancang akan dipasang seluruh Selangor.

Abdul Khalid berkata, projek WiFi Selangorku ini menggunakan peruntukan Geran Selangorku sebanyak RM2.74 juta dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta yang diadakan melalui tender terbuka.

"Pelbagai projek diperuntukkan melalui Geran Selangorku seperti projek infrastruktur jalan, gelanggang futsal, serta penyediaan WiFi percuma ini supaya kita mahu seluruh rakyat Selangor dapat menikmati kemudahan teknologi maklumat," katanya ketika ucapan perasmian di sini.

**Rakyat semakin bertambah dan kepadatan penduduk memberikan impak kepada Kerajaan Negeri untuk memikirkan sesuatu perkara yang dapat memberi manfaat kepada setiap penduduk di negeri ini dan perkhidmatan WiFi ini merupakan salah satu daripadanya**

**RODZIAH ISMAIL**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi

Turut hadir pada majlis itu, Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail dan Setiausaha Teknologi Maklumat (ICT) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Wahilman Siwar.

Abdul Khalid berkata, mulai akhir bulan Mac tahun ini semua kawasan yang dikenal pasti sebagai 'HotSpot' WiFi Selangorku akan siap dipasang.

"Kawasan luar bandar akan menjadi tumpuan pemasangan WiFi ini yang juga digunakan untuk menyalurkan maklumat kepada rakyat bagi mendapatkan maklumat mengenai Kerajaan Negeri yang boleh didapati melalui portal TVSelangor (Media Selangorku)," katanya.

Sementara itu, WiFi Selangorku ini berkelajuan 2Mbps) dan liputan minima boleh dicapai berkeluasan 200 meter serta had capaian selama 30 minit bagi setiap 100 orang pengguna pada satu-satu masa.

Dalam pada itu, Rodziah berkata, kemudahan WiFi ini adalah bagi memastikan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.

"Rakyat semakin bertambah dan kepadatan penduduk memberikan impak kepada Kerajaan Negeri untuk memikirkan sesuatu perkara yang dapat memberi manfaat kepada setiap penduduk di negeri ini dan perkhidmatan



Dr Wan Azizah turut hadir menyempurnakan majlis pelancaran

WiFi ini merupakan salah satu daripadanya," katanya.

Seorang penduduk, Muhardi Yahya, 29, berkata, pemasangan WiFi ini sekurang-kurangnya dapat memberikan kemudahan kepada penduduk di sekitar untuk melayari Internet bagi mendapatkan maklumat atau menyelesaikan sesuatu urusan.

"Baguslah dah ada Internet percuma, bukan semua mampu untuk memasang Internet di rumah dan sekurang-kurangnya penduduk di kawasan ini ada suatu kemudahan yang bermanfaat untuk digunakan oleh semua orang," katanya ketika ditemui.



Dalam majlis tersebut, usahawan IKS turut mengambil peluang mempromosikan produk keluaran syarikat mereka

## 30 tahun menunggu, baru kini jalan diturap



Manoharan menunjukkan jalan yang selesai diturap

KLANG - Keprihatinan Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat (PR) terhadap kebajikan rakyat terbukti apabila segera menyelesaikan masalah jalan tidak diturap hampir 30 tahun ditinggalkan Umno-BN di Taman Radzi di sini.

Adun Kota Alam Shah, M Manoharan berkata, peruntukan sejumlah lebih RM300,000 menerusi geran Selangorku disalurkan bagi kerja penurapan jalan di keseluruhan taman perumahan itu.

"Saya menerima aduan penduduk pada Ogos tahun lalu dan membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri bagi mengatasinya.

"Terima kasih kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang memberi kelulusan segera dengan peruntukan RM342,705 untuk projek ini. Janji ditepati oleh Pakatan Rakyat," katanya.

Manoharan menjelaskan, projek penurapan jalan itu boleh dianggap sebagai hadiah Tahun Baru Cina kepada masyarakat Cina di taman itu kerana ia bermula Januari lalu dan siap pada awal Februari ini.

"Sebelum ini hampir 30 tahun jalan berlubang dan pecah di sini tidak dibaiki, hanya ditampal saja, menjadikan jalan ini lebih teruk daripada yang asal.

"Bila saya jumpa penduduk, mereka suarakan masalah ini dan masalah lain juga akan cuba di atasi dengan seberapa segera," katanya.

Mengenai taman permainan, beliau berkata, peruntukan Adun sebanyak RM100,000 digunakan untuk tujuan itu.

"Taman Radzi saya dapati tiada taman permainan dan ada satu kawasan dicadangkan. Kita akan kaji perkara itu," ujarnya.

Presiden Persatuan Penduduk Taman Radzi, Francis Xavier berkata, penduduk berasa gembira kerana masalah dihadapi sekian lama akhirnya selesai.

# Pengusaha industri sambut baik pembinaan jambatan



**HUBUNGAN ERAT... Menteri Besar beramah mesra dengan pengusaha industri yang hadir**

SHAH ALAM - Pelabur dan pengusaha industri menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri membina jambatan ketiga Klang yang diharapkan dapat memudahkan lagi perjalanan ke Pelabuhan Klang.

Di dalam satu dialog bersama Kerajaan Negeri, pengusaha terbabit menyuarakan harapan agar jambatan tersebut yang merentasi Sungai Klang, dapat menghubungkan pelabuhan dengan pusat bandar Klang.

Walaupun mereka sedia maklum bahawa lalu lintas di Pekan Klang agak sesak, ia masih diperlukan kerana banyak industri dan syarikat yang menggunakan pelabuhan Klang mempunyai urusan di bandar Klang.

Harapan tersebut diutarakan Presiden Dewan Industri dan

Perdagangan Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI), Tan Sri Datuk Ng Teck Pong.

Namun begitu, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika menjawab permintaan menjelaskan, perkara yang penting dalam pembinaan jambatan tersebut adalah memastikan pengaliran trafik lancar dan lebih baik.

"KLSCCCI akan dijemput dalam masa terdekat untuk melihat pelan cadangan pembinaan jambatan.

"Kita mengalu-alukan cadangan yang diberikan dan bersedia untuk bekerjasama bagi mencari penyelesaian terbaik," katanya pada sesi dialog Business Luncheon With SMI Companies di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Pada sesi Dewan Negeri Selangor (DNS), Abdul Khalid mengumumkan pembinaan projek jambatan ketiga Klang yang sebelum ini dijanjikan Umno-BN pada tahun 2008.

Jelasnya, dalam perancangan sesebuah projek, kewangan yang kukuh adalah lebih penting daripada membuat pengumuman semata-mata.

"Ini pengajaran yang diambil pada Mac 2008. Kesilapan mereka (Umno-BN) tidak memberikan jaminan kewangan hanya (majlis) pecah tanah.

"Kita punya dana dahulu, kemudian baru laksanakan. Sekarang kita boleh buat (Jambatan Ketiga Klang)," ujarnya dalam satu sidang media selepas menghadiri perjumpaan bulanan kakitangan Kerajaan Negeri.

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

KLANG - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi jaminan bahawa pembinaan Jambatan Ketiga Klang akan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Katanya, peruntukan pembinaan jambatan sepanjang 500 meter itu sudah disediakan melalui wang rizab simpanan negeri sejumlah RM300 juta.

## Jambatan Ketiga Klang siap ikut jadual

**Negeri Selangor sudah ada dana yang kita umumkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) tahun lepas bahawa rizab RM300 juta sekurang-kurangnya akan digunakan untuk pembangunan jambatan di Klang**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

"Negeri Selangor sudah ada dana yang kita umumkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) tahun lepas bahawa rizab RM300 juta sekurang-kurangnya akan digunakan untuk pembangunan jambatan di Klang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Jambatan Ketiga Klang di Jalan Tepi Sungai, Klang di sini.

Turut hadir, barisan ahli Exco Selangor, Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, Adun Meru, Dr Rani Osman, Pemangku Yang Dipertua Maj-



**Abdul Khalid melihat billboard yang tertera gambaran Jambatan Ke-3 Klang apabila ia siap kelak**

lis Perbandaran Klang (MPK), Ehsan Mukri serta ahli-ahli Majlis MPK.

Menurut Abdul Khalid, proses memilih reka bentuk jambatan baru itu akan dimulakan mulai minggu depan sebelum tender dikeluarkan.

"Selepas kita tender, kita juga akan mengumumkan pe-

menangnya," katanya lagi.

Katanya, tempoh pembinaan jambatan itu juga akan ditetapkan, iaitu di antara 18 bulan sehingga 24 bulan.

Sebelum ini, Kerajaan Umno-BN berjanji untuk membina jambatan ketiga ini pada tahun 2008, tetapi tidak menaikkannya walaupun Majlis Pe-

cah Tanah pembinaan jambatan itu dilakukan.

Pembinaan jambatan merentasi Sungai Klang ini penting kepada pengguna jalan raya, khususnya penduduk di Klang kerana tidak perlu meredah kesesakan di tengah bandar Klang untuk ke Kuala Lumpur atau ke Pelabuhan Klang.

**Selangor Kini**

**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT**

Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG**

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA**

Najib Hashim

**PEN. PENGARANG BERITA**

Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG**

Rusidah Salim

**WARTAWAN**

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com

**JURU GAMBAR:**

Raheemie Ariffin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKALETAK**

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13,  
40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: news@selangorkini@gmail.com

# Pemimpin PR berkongsi kemeriahan Sambutan Tahun Baru Cina



PETALING JAYA



CHEMPAKA



BATU TIGA



BANGI



MERU



PETALING JAYA



Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, menyampaikan sijil kepada peserta Pertandingan Karate Kata Peringkat Junior Kali Pertama, DUN Bangi di Dewan Orang Ramai, Pekan Bangi Lama



Ahli Briged Amal Selangor bersama Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali meraikan sambutan Tahun Baru Cina bersama-sama masyarakat Pulau Ketam



LANGKAH KESELAMATAN... sempena Sambutan Tahun Baru Cina, Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan Rodziah Ismail, memakaikan jaket keselamatan kepada penunggang motosikal sewaktu melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya di di Pasaraya AEON Cheras Selatan



Penyelaras DUN Sementa, Dr Darayah Alwi, sedang menunjuk ajar wanita dan belia Sungai Serdang, mengadakan program 'Jom Belajar Masak Nasi Arab' di Rumah Kebajikan Darul Islah Lil Banat



Para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012 di DUN Taman Medan diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR, PSRA dan PMR bersama Haniza Talha



PRIHATIN... Adun Chempaka, Iskandar Samad mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada penduduk Pangsapuri Pandan Utama bagi tujuan untuk membeli pam tangki di pangsapuri tersebut



Penyelia Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sabak, Ustaz Sallehen Mukhyi menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada Hasmah Abdullah yang tinggal di Kampung Sri Aman, yang mana suami beliau ditimpa kemalangan dan tidak boleh berjalan



Yap Yoke Wah, 72, menerima sumbangan tandas duduk daripada Adun Hulu Kelang, Saari Sungib di rumahnya, di Kampung Melayu Sungai Sering. Sumbangan berupa alatan bantuan kesihatan berupa kerusi roda, tongkat dan tandas duduk turut diberikan kepada mereka yang memerlukan di DUN berkenaan



Oleh MOHD EZLI MASHUT

# BN bina satu bilik darjah bernilai RM1 juta

SHAH ALAM - Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor terbukti jauh lebih efisien dan cekap dalam pengurusan kewangan apabila mampu membina sekolah yang mempunyai 24 bilik darjah serta kelengkapan dewan dan makmal pada kos RM4.9 juta.

Ia berbeza apabila Kerajaan Umno-BN membina sekolah yang mempunyai hanya 12 bilik darjah dengan kos didakwa berjumlah kira-kira RM12 juta.

Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad berkata, pembinaan SJK (T) Ladang Midlands di sini yang dibina dengan kos RM4.9 juta itu dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada 15 April lalu.

Selama 50 tahun para pelajar di situ terpaksa belajar di dalam bilik darjah berdingin papan dan lantai simen retak dan menanti bantuan untuk mendapatkan bangunan baru bagi kesesuaian pembelajaran.

Pembinaan sekolah tersebut yang boleh menempatkan kira-

kira 2,000 pelajar tidak menggunakan satu sen pun peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

"SJK (T) Ladang Midlands itu boleh dianggap yang terbaik dan termoden di negara ini, malahan mungkin di dunia, dengan dewan yang besar dan makmal yang canggih dengan RM4.9 juta.

"Berbanding dengan Sekolah Rendah yang hendak dibina di U10 Shah Alam ini, yang ada 12 bilik darjah, tetapi kosnya adalah RM12 juta, bermakna setiap darjah itu kosnya adalah RM1 juta," kata Khalid ketika dihubungi.

Ujar beliau lagi, kos pembinaan yang menelan kos RM12 juta itu dianggap tidak munasabah dan memerlukan penjelasan lanjut pihak berkenaan, ekoran kos pem-

binaannya yang jauh lebih tinggi.

"Ia membuktikan ketidakcekapan dan ketidaktelusan serta kemungkinan projek pembinaan sekolah di U10 itu diberi secara rundingan terus dan sebagainya.

"Yang jelas kosnya lebih lima kali ganda itu dan terlalu tinggi akan merugikan rakyat," kata Abdul Khalid.

**SJK (T) Ladang Midlands itu boleh dianggap yang terbaik dan termoden di negara ini, malahan mungkin di dunia dengan dewan yang besar dan makmal yang canggih dengan RM4.9 juta. Berbanding dengan Sekolah Rendah yang hendak dibina di U10 Shah Alam ini, yang ada 12 bilik darjah tetapi kosnya adalah RM12 juta, bermakna setiap darjah itu kosnya adalah RM1 juta**

**KHALID SAMAD** Ahli Parlimen Shah Alam



SJK (T) Ladang Midlands, Shah Alam

## Belia berbasikal untuk kenali Selangor



SEMANGAT... Dr Yunus bersama petugas yang menjayakan program Kayuhan Basikal Belia Ehsan Selangor (BES)

KUALA LANGAT - Lebih 200 peserta menyertai Kayuhan Basikal Belia Ehsan Selangor (BES) Jelajah Selangor dari Pantai Morib ke Telok Panglima Garang.

Program anjuran Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri tersebut merupakan kesinambungan kepada Program Jelajah Futsal yang diadakan pada tahun-tahun sebelum ini oleh Penggerak Belia Tempatan (PeBT).

Exco Belia dan Sukan, Dr

Ahmad Yunus Hairi berkata, selain membawa kelainan kepada warga belia pada siri tahun ini, program berbasikal itu juga diharap dapat menarik penyertaan yang lebih menyeluruh.

"Ia juga merupakan usaha untuk membolehkan rakyat, khususnya golongan belia untuk mengenali Selangor dengan lebih dekat.

"Program dijalankan secara santai agar peserta dapat

menikmati keindahan pemandangan negeri ini, di samping mempromosikan cara hidup yang sihat," kata Dr Ahmad Yunus yang juga Adun Sijanggang.

Program anjuran bersama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) merupakan Siri Kedua Kayuhan BES selepas Siri Pertama diadakan di Kuala Selangor, minggu lepas.

Peserta berkayuh sejauh 40 km dari Pantai Morib hingga ke Tapak Pasar Malam, Taman Datok Hormat, Telok Panglima Garang.

Sementara itu, salah seorang peserta, Masran Hassan 48, memuji program tersebut yang sangat bermanfaat dalam membentuk sahsiah diri yang baik untuk golongan belia.

"Saya harap para belia dapat mengambil peluang ini kerana aktiviti sebegini mampu meningkatkan semangat persepakan antara mereka.

"Ini juga dapat mengelak para belia daripada menyertai aktiviti kurang sihat yang merugikan mereka," kata peserta yang aktif menyertai kelab berbasikal ini.

Turut hadir Penyelaras DUN Morib, Hasnul Baharuddin.

Minggu depan, program Kayuhan BES Jelajah Selangor Siri Ketiga akan dianjurkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Oleh HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Terminal bas Seksyen 17, Shah Alam di sini akan dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan tambahan demi memenuhi keperluan pengguna bersesuaian keadaan masa kini dan dijangka siap pada akhir 2014.

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan, Rodziah Ismail berkata, Kerajaan Negeri memutuskan menjalankan projek tersebut dengan peruntukan RM10 juta kerana suasana ketidakselesaan dialami pengguna dan penggusaha bas di kawasan itu yang berlarutan sekian lama.

Menurutnya, terminal bas lebih 25 tahun itu memerlukan pembaharuan kerana ia menjadi tumpuan orang ramai dari seluruh negara yang menggunakan pengangkutan awam untuk pergi dan balik ke sesuatu destinasi.

"Terminal bas di Seksyen 17 akan dinaik taraf kepada menurun dan mengambil penumpang. Antara kemudahan disediakan adalah surau, gerai, pondok kaunter tiket dan tempat menunggu serba baru.

"Balai polis juga akan menjadi salah satu komponen pembangunan terminal bas yang mana di dalam keputusan dibuat Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) diamanahkan untuk mengendalikan pembangunan semula terminal ini," katanya dalam sidang media di sini.

Rodziah berkata, peruntukan bagi tujuan itu telah diluluskan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 16 Februari lalu dan tender akan dikeluarkan MBSA dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, Kerajaan Negeri mengambil alih tanggungjawab dengan membetulkan keadaan berikutan aduan umum berulang kali dibuat yang tiada berkesudahan.

"Pengangkutan awam adalah salah satu ukuran kualiti kehidupan rakyat Malaysia yang sebenarnya di bawah kendalian dan pengurusan Kerajaan Persekutuan.

"Ia adalah antara perkara diutamakan Kerajaan Negeri dan menjadi fasa lanjut pembangunan yang akan dilonjak apabila rakyat memberi mandat berterusan dalam pemilihan pucuk pimpinan negeri dan negara akan datang," katanya.

Pada perancangan 2008, Ke-

# RM10 juta naik taraf terminal bas Seksyen 17



**Rodziah berbincang sesuatu dengan Hashim Othman, sewaktu melawat Terminal Bas Shah Alam**

**Pengguna semakin ramai dan datang dari seluruh negara. Ada yang kata terminal bas di Klang lebih besar dan moden. Saya rasa cadangan ini memang wajar kerana ia di dalam bandaraya dan menjadi tumpuan ramai**

**- HASHIM OTHMAN  
Naib Presiden Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Seksyen 17**

rajaan Negeri merancang memindahkan terminal bas ke Glenmarie namun mengambil kira laluan trafik, maka tapak baru yang sesuai dicadangkan dengan terminal sedia ada dinaiktarafkan.

Naib Presiden Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Seksyen 17, Hashim Othman menjelaskan cadangan menaik taraf terminal bas itu adalah baik kerana Shah Alam memerlukan satu pusat perhentian pengangkutan awam yang selesa dan serba lengkap.

"Pengguna semakin ramai dan datang dari seluruh negara. Ada yang kata terminal bas di Klang lebih besar dan moden.

"Saya rasa cadangan ini memang wajar kerana ia di dalam bandaraya dan menjadi tumpuan ramai," katanya.

## KEMAS arah tabika tarik balik permohonan TUNAS

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Pejabat Kemas Daerah Klang didakwa mengeluarkan arahan kepada Tabika Kemas Pelabuhan Klang menarik semula permohonan bagi mendapatkan Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas) RM50 yang ditawarkan Kerajaan Negeri.

Menurut Pegawai Operasi Tunas Negeri, Abdul Mutalib Islan, (*gambar*) Tabika Kemas Pelabuhan Klang merupakan antara tadika yang pernah mengemukakan permohonan sebelum ini, namun memutuskan untuk menarik semula permohonan atas arahan Pejabat Kemas Daerah Klang.

"Buat masa ini memang tiada yang memohon, kecuali Tabika Kemas Pelabuhan Klang, namun permohonan itu ditarik semula atas arahan pihak atasan yang meminta supaya menolak Skim Tunas.



**TUNAS memberi peluang pendidikan kepada anak-anak Selangor**

"Tadika di bawah Kerajaan Pusat yang kini berdaftar ialah Tadika Perpaduan dan pra sekolah. Tabika Kemas ini saya tidak tahu apa masalah mereka," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pihak Tunas juga menerima banyak permohonan daripada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke Tabika Kemas, namun ia tidak boleh diluluskan kerana tadika itu tidak berdaftar di bawah skim tersebut.

Sehubungan itu katanya, pihak Tunas akan mengadakan satu taklimat khas dalam masa terdekat bersama pihak pengurusan tadika yang berdaftar di bawah Kerajaan Pusat bagi menggalakkan mereka mendaftar di bawah skim itu.

"Ramai ibu bapa yang bertanya untuk mendapatkan borang, tetapi polisi kami ialah apabila tadika itu tidak berdaftar, kami tidak boleh meluluskan permohonan. Kajian juga menunjukkan rata-rata ibu bapa yang menghantar anak mereka ke tadika di bawah Kementerian Kerajaan Pusat memiliki pendapatan rendah.

"Kita akan terus usaha untuk pujuk mereka dan tidak akan mengalah kerana ini adalah permintaan ibu bapa sendiri. Kita tidak mahulah nanti ada lagi demonstrasi yang menyalahkan Kerajaan Negeri kerana tidak menunaikan janji," katanya lagi.

Selangor Kini cuba menghubungi beberapa cawangan Pejabat Daerah Tabika Kemas bagi mendapatkan respons berhubung perkara tersebut, namun mereka memberi alasan bahawa Tunas tidak pernah menawarkan skim itu kepada pihak Tabika.

Skim Tunas di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) adalah bantuan yuran sebanyak RM50 setiap bulan untuk keluarga berpendapatan rendah bagi menghantar anak mereka ke tadika.

Bantuan RM50 dibayar terus kepada tadika yang berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS).



**BERTUAH...** Pelajar SPM 2013 dari Sekolah Agama Paya Jaras menerima beg berserta nota SPM daripada Ketua JKKK Paya Jaras Hilir, Hj Samali Mohd Marimin sambil diperhatikan Penyelaras DUN Paya Jaras, Khairuddin Othman

# Peruntukkan RM70.4 juta bantuan pelajar masuk universiti

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM70.4 juta sepanjang lima tahun ini, khusus bagi bantuan pendidikan untuk rakyat di Selangor.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, sehingga 31 Disember tahun lalu, sejumlah RM32.1 juta diperuntukkan untuk Hadiah Pengajian Intitut Pengajian Tinggi (HPIPT) kepada 32,130 anak Selangor yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Katanya, program yang dimulakan sejak 1 Julai 2008 lalu diuruskan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan menerima sebanyak 45,164 permohonan daripada pelajar dan hanya permohonan yang menepati syarat dan lengkap sahaja layak dipertimbangkan untuk proses pemberian HPIPT sebanyak RM1,000.

Manakala, sebanyak RM38.3 juta pula diperuntukkan untuk Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri yang diberikan kepada 4,770 orang pelajar sejak



Bagi PNGK di antara 3.75 hingga 4.00 pinjaman diubah kepada biasiswa penuh dan bagi 3.49

hingga 3.74 diberi kadar pengurangan pinjaman sebanyak 50 peratus dan bagi 3.20 hingga 3.49 diberi pengurangan sebanyak 25 peratus

**- DR HALIMAH**  
Exco Pendidikan

lima tahun kebelakangan ini.

Dr Halimah berkata, seramai 758 pelajar diberikan pengurangan dan pelupusan bayaran balik atas sebab Penilaian Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang cemerlang mulai tahun 2004 hingga 2012.

Katanya, sejumlah RM5.05 juta jumlah pinjaman pelajaran dilupuskan sejak lapan tahun lalu.

"Bagi PNGK di antara 3.75 hingga 4.00 pinjaman diubah kepada biasiswa penuh dan bagi 3.49 hingga 3.74 diberi kadar pengurangan pinjaman sebanyak 50 peratus dan bagi 3.20 hingga 3.49 diberi pengurangan sebanyak 25 peratus," katanya dalam sidang media di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Teres dua tingkat  
Saiz Lot : 22' x 65'  
Binaan Kasar : 2,078 kps.  
1.4 unit sahaja

**SURIA**

**Pelaburan Berbaloi Lagi Menguntungkan!**

Anda pasti tidak sabar ingin memiliki kediaman sendiri. Bandar Sungai Long kini menawarkan Suria Homes yang pasti sukar dilepaskan. Rumah teres direka khusus dengan ruang maksimum yang sangat sesuai didiami buat penghuni kota masakini. Datanglah ke Bandar Sungai Long hari ini dan anda lihatlah sendiri kediaman hebat yang mampu dimiliki ini.

**SUKMA PESONA SDN BHD**  
(243236 - V)  
15th floor, Wisma Sin Heap Lee  
346, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2163 7766

**Pejabat Jualan: 03-9076 4580**

• No. Lesen Pemaju : 7052-3/07-2016/855 • Tempoh sah: 11/07/2011 hingga 10/07/2016 • Permit Jualan & Pengiklanan : 7052 - 3/1764/2013/07 • Tempoh sah: 23/07/12 hingga 22/07/13 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan & no. rujukan : Majlis Perbandaran Kajang MPKJ.6/P/67/2010 • Tarikh jangka slip : Mac 2013 • Bebanan: Tiada • Hak Milik : Rajakan 99 tahun/tamat tempoh 20/7/2110 • Jumlah Unit : 14 • Harga Bumiputera: RM 448,800 hingga RM 458,800 • Sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa Negeri.

## Jualan Murah PROMOSI PRODUK ARAB

(1hb Februari - 28hb Februari 2013)

Jenama/Produk	Harga (RM)	Jenama/Produk	Harga (RM)
MAZZA 1.5 liter	2.50	LUNA - Kacang Ful 400g	2.00
ORIGINAL 1.5 liter	4.00	AMERICANA - Kacang Ful 400g	2.00
RANI 1.5 liter	4.50	HERO CHEF - Spagheti 250g	2.00
FARAGELLO 1 liter	3.50	BURCU - Kordial Delima 345g	9.00
CAESAR 1.0 liter	5.50	BURCU - Jem Buah 380g	5.00
BARBICAN 330ml	2.20	ALMARAI - Cheese 140g	5.50
LUNA - Ice Coffee 200ml	1.50	AL SHIFA - Madu 500g	25.00
VIMTO - Kordial 710ml	9.00	ZAM ZAM - Madu 500g	20.00
ORIGINAL 250ml	1.00	KURMA AJWA 1kg	95.00
AIR ZAM ZAM 10 liter	95.00	KURMA SAFAWI 1kg	30.00

**Usrah Halal Market**

No.1-G-16, Wisma MAIS, Sek.3, 40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 013-2917012 • Website: facebook.com/usrahalalmarket

# Umat Islam perlu istiqamah cintai ilmu

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**BESTARI JAYA** - Umat Islam perlu istiqamah dalam pembangunan akhlak, ilmu, daya fikir serta perasaan dalaman dan hati, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

“Umat Islam perlu kembali kepada asas ajaran Islam, iaitu mentaati Allah dan Rasulullah, serta taat kepada pemimpin yang menjadikan al-Quran dan sunah sebagai pegangan serta panduan menerajui kerajaan,” katanya.

Abdul Khalid berkata demikian pada Program Malam Cinta Rasul Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Kuala Selangor yang diadakan di Masjid Ar-Rahman Bukit Badong di sini.

Beliau juga melancarkan Kempen ‘Jom Solat’ peringkat Daerah Kuala Selangor.

“Cara yang terbaik untuk mengingati Baginda Rasulullah SAW adalah dengan memperbanyakkan selawat,” kata Abdul Khalid yang juga merupakan Exco

Hal-Ehwal Islam.

Ujar Abdul Khalid, akhlak Rasulullah SAW perlu diikuti, khususnya dalam aspek perhubungan sesama manusia dan juga perpaduan sesama umat Islam.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohamad Yasid Bidin berkata, program ini diadakan untuk memupuk semangat cintakan Rasulullah dalam segenap kehidupan.

Program yang turut mendapat kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Ikatan



Majlis diserikan dengan persembahan nasyid

Relawan Rakyat Malaysia (Rela) diserikan dengan pertandingan berzanji dan marhaban yang melibatkan enam kumpulan.

Harun Abdul Rahman, Nazir Masjid An-Nur Saujana Utama terpilih sebagai Nazir Terbaik untuk Daerah Kuala Selangor.

Manakala johan marhaban bagi Kategori Wanita dengan 85 peratus dimenangi Kumpulan An-Nisa' dari Bandar Baru Puncak Alam.

Bagi kategori Lelaki dimenangi Kumpulan Cahaya Baru dari Kampung Bukit Cherakah dengan 86 peratus.

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

### MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan, status, taip "mdhs semak" hantar ke 15888

### MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my

Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

### MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825 SMS: Taip

"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

### MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

www.mps.gov.my

Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

www.mpseparang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

### MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

www.mbsa.gov.my

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

### MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

www.mpsj.gov.my

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my

Tel: 03-79542020 (24-jam hotline) / 03-79563544 (am)

SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



Nazir Masjid Terbaik bagi Daerah Kuala Selangor, Harun Abdul Rahman menerima cenderamata daripada Menteri Besar



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Kerja-kerja Membaikpulih Tanah Runtuh Di Jalan Sungai Tekali (Laluan B116), Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  No. Tender : JKR/SEL(N) 006(T)/ 2013	T1  <i>Diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</i>	Bumiputera (PKK)	CIDB  Gred : G4  Kategori: CE  Pengkhususan:  CE01, CE08, CE21 & CE34	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam  Pada 21.02.13 (Khamis) hingga 01.03.13 (Jumaat)	Lawatan Tapak digalakkan  Sila berhubung Bahagian Jalan 03-55447531	RM200.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  4.3.2013 (Isnin) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

#### \*Jenis Pendaftaran

- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan



**LEGA...**  
gambar menunjukkan jambatan Kampung Delek yang menghubungkan Kampung Sungai Sireh hampir siap

Anjuran: Kerajaan Negeri Selangor Bersama 12 PBT

**Forum**

# Air Untuk Rakyat

## Bersama Rakyat

PBT	TARIKH	LOKASI	MASA
MPK	18 Feb (ISNIN)	Dewan Kompleks Sukan Pandamaran, Klang	8.00pm – 11.00pm
MBSA	19 Feb (SELASA)	Dewan Besar Tanjung, Seksyen 19, Shah Alam	8.00pm - 11.00pm
MPAJ (PANDAN)	21 Feb (KHAMIS)	Dewan Pandan Indah, Ampang	8.00pm – 11.00pm
MDSB	22 Feb (JUMAAT)	Dewan Sri Bernam, Pekan Sg. Besar, Sabak Bernam	8.00pm – 11.00pm
MDHS	22 Feb (JUMAAT)	Dewan Dato' Abdul Hamid, Batang Kali, Hulu Selangor	8.00pm – 11.00pm
MBPJ	23 Feb (SABTU)	Dewan Serbaguna PJS 6/3B, Kampung Lindungan Petaling Jaya	9.00am – 11.00am
MDKS	23 Feb (SABTU)	Dewan Orang Ramai, Bestari Jaya	8.00pm – 11.00pm
MPSJ	24 Feb (AHAD)	Dewan MPSJ, SS 15, Subang Jaya	10.00am -12.00pm
MPAJ (AMPANG)	24 Feb (AHAD)	Dewan Komuniti, Bandar Baru Ampang	8.00am – 11.00am (pagi)
MPKj (CHERAS)	24 Feb	Dewan Orang Ramai Batu 11, Cheras	8.00am – 11.00am (pagi)
MPKj (KAJANG)	25 Feb (ISNIN)	Kompleks Sukan Seksyen 15, Bandar Baru Bangi	8.00pm – 11.00pm
MDKL	26 Feb (SELASA)	Dewan Sri Jugra, Banting	8.00pm – 11.00pm
MPS	28 Feb (KHAMIS)	Lobi Menara MPS, Selayang	8.00pm – 11.00pm
MPSp	28 Feb (KHAMIS)	Dewan Orang Ramai Taman Putra Perdana, Puchong	8.00pm – 11.00pm

# Jambatan Kg Delek ke Kg Sungai Sireh siap dua bulan

Oleh LIZAWATI MADFA

**KLANG** - Penduduk Klang, khususnya mereka yang tinggal di Kampung Sungai Delek dan Kampung Sungai Sireh di sini bakal menikmati satu lagi kemudahan infrastruktur yang disediakan Kerajaan Negeri.

Dengan kos sebanyak RM3 juta, jambatan yang dibina di atas Sungai Telok Gadung, Jalan Sri Perantau Kampung Delek dijangka dapat disiapkan dalam tempoh secepat-kecepatnya dua bulan lagi.

Adun Selat Kelang, Dr Halimah Ali ketika mengadakan lawatan di tapak projek berkata, usaha Kerajaan Negeri itu selaras dengan dasar pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang berbakti untuk kepentingan rakyat.

"Pertamanya, dengan adanya jambatan ini dapat memudahkan penduduk sekitar membawa jenazah dari seberang sungai ke tanah perkuburan, di mana sebelum ini penduduk terpaksa

melalui jalan yang jauh kerana ketiadaan jambatan.

"Selain itu, ia juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak kerana laluan sebelum ini sempit dan tidak boleh dilalui kenderaan berat," ujar Dr Halimah yang juga merupakan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan.

Sebelum ini, penduduk yang kebanyakannya bekerja di kawasan pelabuhan terpaksa menggunakan jambatan kunci air milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang hanya mampu memberi laluan kepada satu kenderaan sahaja dalam satu-satu masa.

"Kini, penduduk bakal menikmati kemudahan jambatan yang lebih lebar, yang pastinya dapat memberi manfaat kepada mereka dari segi keselesaan, penjimatan masa dan lain-lain," tambah Dr Halimah.

Beliau sendiri menyempurnakan upacara Majlis Pecah Tanah projek tersebut yang diadakan pada Disember tahun 2011.

Projek yang dimulakan pada awal Januari tahun lalu itu meliputi pembinaan jambatan dengan kelebaran seluas 10.5 meter dengan panjang 23 meter dan dibina mempunyai laluan dua hala.

Projek itu juga melibatkan penyediaan jalan raya yang baru bagi menghubungkan laluan daripada Kampung Sungai Sireh ke jalan utama.

**Ia juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak, kerana laluan sebelum ini sempit dan tidak boleh dilalui kenderaan berat**

**DR HALIMAH ALI**  
Adun Selat Kelang

## Warga emas ceria terima kunjungan Menteri Besar

**Menteri Besar meluangkan masa bertanya khabar Cikgu Sana'ah yang mengidap penyakit kencing manis**



**BESTARI JAYA** - Bekas guru yang ber-khidmat lebih 25 tahun, Sana'ah Muhammad yang terlanjar mengidap penyakit kencing manis dan dipotong kakinya sejak tiga tahun lalu tidak menyangka menerima kunjungan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Sana'ah yang kini tinggal bersama seorang anaknya di Taman Yang Ming, Bestari Jaya, sungguh terharu atas kesudian Abdul Khalid melawat ke rumahnya walaupun sibuk sebagai Menteri Besar Selangor.

Sebelum ini, Sana'ah pernah berkhidmat sebagai guru di

Sekolah Kebangsaan Bukit Badong dan Sekolah Kebangsaan Jaya Setia.

"Saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Tan Sri Khalid yang sudi melawat saya di sini dan terima kasih juga saya ucapkan di atas bantuan yang diberikan," kata Sana'ah ketika ditemui.

Dalam kesempatan ini juga Abdul Khalid dan wakil pejabat Datuk Menteri Besar di DUN Ijok bertanya khabar perkembangannya terkini kesihatannya sambil menghulurkan bantuan bagi meringankan sedikit bebanan yang ditanggung.

Abdul Khalid yang dalam lawatan di Bestari Jaya itu juga berkesempatan melawat rumah yang juga bekas guru, Salamah Ali yang mengidap penyakit buah pinggang dan memerlukan khidmat dialisis.

"Kunjungan Tan Sri Abdul Khalid bersama wakil pejabat Datuk Menteri Besar DUN Ijok amat bermakna bagi kami sekeluarga dan kami amat hargai," kata Salamah.

Abdul Khalid juga turut berkunjung ke rumah Jamaluddin Tahir di Taman Seri Indah Ijok bagi menyampaikan sumbangan kerusi roda.

## Mana pergi duit projek hospital baru Kuala Selangor?

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Pengumuman Ahli Parlimen Tanjong Karang, Datuk Seri Noh Omar bahawa kawasannya akan mendapat hospital baru mengundang persoalan tentang projek hospital yang terbengkalai di Kuala Selangor, 13 tahun lalu.

Ini kerana projek hospital di Kampung Sungai Terap, Kuala Selangor sepatutnya menjadi hospital kedua untuk penduduk kawasan Tanjong Karang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Penyelaras DUN Permatang, Yahya Saari (**gambar**) mempersoalkan ke manakah peruntukan pembinaan hospital yang dijanjikan Noh, 13 tahun lalu dan di manakan wang tersebut telah dibelanjakan.

Menurutnya, pengumuman

Noh itu seumpama janji ulangan kepada penduduk.

"Sehingga kini mengakibatkan rakyat perlu menunggu bertahun lamanya untuk mendapatkan hospital baru?"

"Sedangkan rancangan pembinaannya diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 pada 1998.

"Kalau sehingga pilihan raya kali ini (PRU-13), ia sudah menjadi PRU yang keempat atau kelima.

"Ia bukan janji baru. Yang kita persoalkan ke mana perginya bajet dahulu disalurkan," katanya ketika dihubungi.

Media perdana melaporkan Kerajaan Pusat meluluskan projek hospital baru yang akan dibina di sebuah tapak seluas 60 ekar di Kampung Sungai Terap, Kuala Selangor.



dari muka 16

## Tunaikan hasrat ayah

Malah di dalam kes Kampung Datuk Abu Bakar Baginda, pemohon hak milik tanah terdiri daripada penyokong Umno yang hanya mendapat hak milik itu daripada Kerajaan PR Selangor.

"Lama hingga dah tiga YB BN bertukar. Sekarang lega, memang itu yang saya tunggu-tunggu.

"Lebih 50 tahun cuba usahakan, tapi bila kita kemukakan tiada apa-apa jawapan," ujar Hussin Ahmad, 71, dengan nada sebak kepada Selangor Kini.

Pada 16 Februari, penduduk kampung tersebut mendapat borang 5A, iaitu borang penawaran hak milik daripada Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor. Dokumen tersebut disampaikan Exco Pembedaan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari.

Latjiman Keman pula memberitahu, usaha untuk mendapatkan hak milik tanah yang

didiangi keluarganya mula di usahakan Allahyarham bapanya.

"Perjuangan ini melebihi tempoh usia saya dan hampir menemui jalan buntu, tetapi kejayaan hari ini dapat menebus semula titik peluh arwah bapa saya.

"Usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini merupakan satu usaha murni yang patut diteruskan untuk terus membantu rakyat yang menghadapi masalah yang sama," kata Latjiman, 48.

Sementara itu, Dr Yaakob berkata, penduduk Kampung Datuk Abu Bakar Baginda kini tidak lagi perlu bimbang kemungkinan tanah mereka di ambil oleh Kerajaan Pusat.

"Tanah yang mereka diami ini berhampiran dengan Putrajaya, wilayah Kerajaan Pusat yang pesat membangun, jadi memang terdapat risiko ia akan diambil oleh Kerajaan Pusat," kata Dr Yaakob.

## Rasa terbelah dan selamat

Beliau kini hanya bergantung kepada wang pampasan SOCSO arwah suaminya serta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagi Normah Abdullah, 53, (**gambar**) merasakan dengan usaha ini, beliau merasakan golongan wanita sepertinya rasa terbelah dan bersemangat untuk membesarkan anak-anak.

"Kalau dapat diperbanyakkan lagi program sebegini saya yakin ia mampu membawa impak besar kepada kamu ibu tunggal," ujar ibu kepada empat anak ini.

Mana-mana ibu tunggal berumur antara 19 hingga 59 tahun yang lahir dan bermastautin di Selangor boleh memohon untuk program itu dengan mendaftar di Pusat Khidmat DUN atau secara atas talian di E-bu.selangor.gov.my.

Sehingga kini seramai 25, 000 ibu tunggal sudah mendaftar di portal e-bu dengan 18,001 adalah berbangsa Melayu, 1574 berbangsa India, 792 orang berbangsa Cina dan selebihnya tergolong dalam lain-lain bangsa.

Hadir sama dalam pelancaran program tersebut ialah Exco Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, Adun Kota Anggerik, Dr. Yaakob Sapari, Adun Taman Medan, Haniza Talha, Adun Meru, Dr. Abdul Rani Othman dan Pengarah Komunikasi GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Ian Cruddas.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
22 - 1 MAC 2013							
11 - 18 RABIULAKHIR 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Jumaat	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:39
23 Sabtu	6:00	6:10	7:27	1:29	4:46	7:29	8:39
24 Ahad	6:00	6:10	7:26	1:29	4:46	7:29	8:39
25 Isnin	5:59	6:09	7:26	1:29	4:45	7:29	8:38
26 Selasa	5:59	6:09	7:26	1:29	4:44	7:29	8:38
27 Rabu	5:59	6:09	7:26	1:29	4:44	7:29	8:38
28 Khamis	5:59	6:09	7:25	1:29	4:44	7:29	8:38
01 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:28	4:43	7:29	8:38
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Jumaat	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
23 Sabtu	6:02	6:12	7:29	1:31	4:48	7:31	8:41
24 Ahad	6:02	6:12	7:28	1:31	4:48	7:31	8:41
25 Isnin	6:01	6:11	7:28	1:31	4:47	7:31	8:41
26 Selasa	6:01	6:11	7:28	1:31	4:47	7:31	8:40
27 Rabu	6:01	6:11	7:28	1:31	4:46	7:31	8:40
28 Khamis	6:01	6:11	7:27	1:31	4:46	7:31	8:40
01 Jumaat	6:01	6:11	7:27	1:30	4:45	7:31	8:40



## Program Jom Shopping ibu tunggal dilancar

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.68 juta bagi menjayakan program Jom Shopping Ibu Tunggal yang dijangka menarik 150,000 penyertaan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melancarkan program berkenaan bertempat di Hypermarket Giant Kota Damansara, dan 150 ibu tunggal daripada

sembilan DUN dipilih menjadi peserta pertama.

Sembilan DUN terlibat pada peringkat awal ialah Batu Tiga, Kota Anggerik, Taman Medan, Meru, Seri Setia, Paya Jaras, Bukit Lanjan, Gombak Setia dan Kota Damansara.

Setiap ibu tunggal yang menyertai program ini layak me-

nerima voucher Jom Shopping bernilai RM100.

Abdul Khalid berkata, program tersebut merupakan satu amanah dan tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam mengembalikan hak rakyat kepada rakyat.

"Kita faham masalah utama rakyat ialah kurang pendapatan yang tinggi, maka Kerajaan Ne-

geri perlu bijak menguruskan wang rakyat.

"Ini sudah dibuktikan sepanjang lima tahun pentadbiran Kerajaan Pakatan di Selangor dengan penganjuran pelbagai program kebajikan, khusus untuk rakyat," ucap beliau yang turut ditemani isterinya, Puan Sri Salbiah Tunut.

Sementara itu, ibu tunggal yang ditemui, Jabura Abdul Rahman, 40, mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri ini, kerana sekurang-kurangnya dapat meringankan bebannya yang masih menanggung lima anak yang masih bersekolah.

Lihat muka 15

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SEPANG** - Keluhan penduduk Kampung Datuk Abu Bakar Baginda selama 50 tahun merupakan contoh terbaru sikap songsang pentadbiran Umno-BN Selangor dahulu dalam pemberian hak milik tanah.

Penduduk kampung yang berusia dalam lingkungan 50 - 70-an berkata, usaha untuk mendapatkan hak milik tanah untuk 15 keluarga di kampung tersebut bermula dengan arwah bapa mereka lagi.

Namun setelah berdekad-dekad berurusan dengan tiga Adun Umno-BN Selangor, mereka masih gagal mendapat hak milik.

Seperti yang pernah dikatakan oleh Adun Sekinchan, Ng Suee Lim sebelum ini, rakyat Selangor mengalami pengalaman yang menghampakan untuk memiliki geran tanah dan situasi ini berbeza dengan pemimpin Umno-BN Selangor yang senang-wenang mendapat tanah.

Contohnya, di dalam skim Sapu Tanah Satu Malaysia (SAT1M) yang didedahkan Ng Suee Lim dan Adun Pakatan Rakyat (PR) yang lain, di mana parti komponen Umno-BN mendapat 24 bidang tanah di seluruh Selangor antara tahun 1999 hingga 2008.

Tanah yang berkeluasan 33.5 ekar tersebut diperolehi dengan harga premium serendah RM1 satu kaki persegi.

Lihat muka 15

## Tiga Adun BN gagal

# Hak milik tanah selesai di bawah Pakatan Rakyat



## PUAS HATI...

Penduduk Kampung Datuk Abu Bakar Baginda menunjukkan isyarat bagus selepas menerima hak milik tanah daripada Exco Selangor, Dr Yaakob Sapari selepas 50 tahun Umno-BN gagal menyelesaikannya

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>

<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>

<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO